

29/09/2000

Hapuskan gaji statik (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Khamis - Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) mahu pergerakan gaji statik dihapuskan, sebaliknya semua pergerakan gaji tahunan diberi secara mendatar.

Gaji statik adalah satu daripada empat kaedah pergerakan gaji bagi anggota perkhidmatan awam mengikut Jadual Gaji Matriks dalam Sistem Saraan Baru (SSB). Tiga lagi kaedah ialah melintang, menegak dan mendatar.

Cuepacs mencadangkan sistem gaji sebaris bagi menggantikan sistem tiga baris dalam SSB sekarang dengan menggabungkan ketiga-tiga paras satu, paras dua dan paras tiga.

Ini bermakna semua kira-kira 800,000 kakitangan awam berpeluang menikmati gaji permulaan pada paras satu hingga ke gaji maksimum pada paras tiga.

Kongres itu berpendapat, laporan penilaian prestasi tahunan tidak harus dikaitkan dengan pergerakan gaji tahunan serta tidak dijadikan asas untuk pergerakan gaji melintang, menegak, mendatar atau statik.

Pandangan Cuepacs itu terkandung dalam memorandum yang diserahkan pada pertemuan tertutup mereka dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya, semalam.

Seramai 150 pegawai kanan dan ahli jawatankuasa kerja Cuepacs serta Majlis Bersama Kebangsaan yang diketuai Presidennya, N Siva Subramaniam, menghadiri pertemuan tertutup itu. Ia diadakan selepas rombongan itu melawat dan mendengar taklimat pembangunan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Cuepacs menyatakan, walaupun sejak sistem gaji matriks dilaksanakan sejak 1992, ada kementerian dan jabatan memperbaiki sistem penilaian bagi mengelak unsur pilih kasih, ia belum dapat meyakinkan pekerja untuk terus menerima pakai sistem itu.

Malah, mereka tidak berpuas hati dengan kuota pergerakan gaji dua peratus melintang, menegak (3 peratus), mendatar (90 peratus) dan statik (5 peratus).

Memorandum itu mahukan supaya SSB diubahsuai dari sudut gaji, pencen dan imbuhan/insentif supaya lebih teratur dan adil. Ia juga meminta agar gaji anggota sektor awam disemak dan diubahsuai, selaras dengan peningkatan kualiti, produktiviti, pertumbuhan ekonomi dan peningkatan kos.

Cuepacs menyatakan, ketika ini pegawai perkhidmatan awam dalam Kumpulan Jawatan Utama Sektor Awam (Jusa) masih mengekalkan sistem gaji sebaris selain ia diguna pakai oleh sektor korporat, perkhidmatan bank dan swasta yang lain.

"Pekerja sektor awam khususnya kakitangan kerajaan berpendapat sistem gaji matriks bukan sistem yang boleh meningkatkan produktiviti di kalangan pekerja sektor awam, malah sistem ini menimbulkan perasaan marah dan wasangka buruk di kalangan pekerja.

"Pekerja seharusnya bekerjasama di antara satu sama lain untuk meningkatkan produktiviti. Dengan sistem gaji matriks, pekerja dipecahkan kepada golongan yang melintang, menegak, mendatar dan statik.

"Usaha bekerjasama secara kumpulan sudah tidak ada tempat lagi," kata Cuepacs.

Cuepacs berpendapat dengan pergerakan gaji statik dihapuskan, sebarang kelemahan dalam perkhidmatan bagi seseorang anggota sektor awam, boleh dikenakan tindakan mengikut peruntukan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 termasuk tindakan susulan seperti pemulihan

kepada anggota yang bermasalah.

Bagi kaedah perubahan kepada sistem gaji sebaris, ia mencadangkan semua gaji diturunkan kepada mata gaji yang paling hampir (point to point sistem) dengan tidak mengurangkan jumlah sedia ada.

Katanya, antara kelemahan sistem tiga baris dalam SSB sekarang ialah kesukaran untuk membuat penilaian yang objektif kerana jika terlalu banyak panel penilaian prestasi kerja, perbezaan antara panel penilai akan bertambah.

Selain itu, jika sesuatu panel penilai harus menilai banyak pekerja, ketepatan penilaian diragui kerana terdapat penilai yang tidak pernah bersemuka dengan pegawai yang dinilai khususnya dalam kementerian dan jabatan.

"Berikutan kelemahan dalam sistem penilaian yang digunakan untuk menentukan pergerakan gaji, moral kakitangan kerajaan didapati semakin merosot," katanya.

Antara cadangan lain ialah diwujudkan bayaran sebulan gaji atau minimum RM1,000 serta diwujudkan secara kekal setiap tahun dan kenaikan 25 peratus gaji pokok untuk elaun kawasan bagi wilayah Sabah.

(END)